

# JPA jamin hak pelapor rasuah akan dilindungi

**Putrajaya:** Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) memberi jaminan hak keselamatan dan maklumat penjawat awam akan dilindungi sekiranya mereka melaporkan kesalahan rasuah di kementerian, jabatan dan agensi kerajaan.

Ketua Pengarahnya Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman berkata, maklumat dan butiran pengadu akan dirahsiakan mengikut peraturan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dan Akta Perlindungan Saksi 2009.

Menurut beliau, kerajaan memandang serius isu salah laku membabitkan penjawat awam.

"JPA menggalakkan penjawat awam untuk tampil memberi maklumat berkaitan sebarang salah laku dalam usaha

membendung ketirisan di organisasi masing-masing.

"Kesalahan ini, terutamanya membabitkan penyalahgunaan kuasa, berlaku di pelbagai peringkat tanpa mengira pangkat dan kedudukan," katanya pada kenyataan semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas dan memberi pandangan berhubung laporan media mengenai tekanan dihadapi penjawat awam ketika berhadapan kegiatan rasuah di organisasi masing-masing.

Mohd Khairul berkata, pihaknya meminta semua ketua jabatan memandang serius isu itu dan sentiasa memastikan sebarang ketirisan serta penyalahgunaan kuasa tidak berlaku di semua peringkat organisasi.